

06 FEB 1998

Sabbaruddin-Pengorbanan

TIDAK BEREPUT JAWATAN SATU PENGORBANAN, KATA SABBARUDDIN

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Nasihat Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tidak ada perebutan jawatan ketua bahagian Umno dalam pemilihan Mac depan perlu dilihat sebagai satu pengorbanan demi perjuangan parti, kata Setiausaha Agung parti Datuk Sabbaruddin Chik.

Pandangan presiden bertujuan memantapkan parti dan tidak boleh dipandang ringan, katanya merujuk kepada sesetengah bahagian Umno di Kelantan yang masih bertekad meneruskan pertandingan merebut jawatan berkenaan.

"Dr Mahathir adalah Presiden Umno, di Kelantan dia adalah Ketua Perhubungan Negeri, kalau tidak ikut nasihat dia sebagai kapasiti ketua perhubungan negeri, ikut nasihat dia sebagai Presiden," katanya dalam wawancara program televisyen "Malaysia Hari Ini" TV3 di sini hari ini.

Sabbaruddin berkata anggota Umno masih boleh berjuang melalui banyak jawatan lain di peringkat bahagian selain daripada ketua bahagian.

Baru-baru ini beberapa bahagian di Kelantan dilaporkan mahu mempertandingkan jawatan ketua bahagian walaupun dinasihatkan oleh Perdana Menteri supaya tidak berbuat demikian bagi mengelakkan perpecahan parti.

Program wawancara selama setengah jam itu turut memuatkan temubual melalui telefon dengan Ketua Bahagian Gua Musang Mohamad Saufi Deraman, yang sebelum ini menyatakan kesediaannya untuk tidak bertanding jawatan itu bagi memberi laluan kepada bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah.

Saufi berkata tindakannya itu bagi memberi peluang kepada pemimpin yang lebih berwibawa menerajui bahagian serta mengelakkan kucar-kacir di kalangan anggota parti.

Terdahulu itu, Sabbaruddin yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menjelaskan tentang program Tahun Sukan dan Rekreasi 1998.

Katanya sebanyak 244 aktiviti sukan dan rekreasi akan dilaksanakan dengan 17 daripadanya merupakan aktiviti utama seperti Sukan Komanwel, Kejohanan Lumba Basikal Le Tour de Langkawi dan Kejohanan Golf Inter-Team Amatur Dunia. -- BERNAMA

RAZ RON